

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PEMBUKAAN RASMIPERSATUAN PERUBATAN MALAYSIA DI JALAN PAHANG, KUALA LUMPUR PADA 6HB APRIL, 1973

Y.B. Datuk Dr Arasu, Y.B. Tan Sri Lee Siok Yew,¹ Saudara-saudara sekalian,

Terlebih dahulu suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Persatuan Perubatan Malaysia atau M M A , khasnya Jawatankuasa Bangunan M M A , yang telah menjemput saya merasmikan bangunan baru yang indah ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli M M A yang telah menunjukkan semangat kerjasama dan perpaduan yang erat sepertimana yang terbukti dengan bangunan di hadapan kita ini.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sangat tertarik hati dan bersetuju dengan keterangan Datuk Dr Arasu tadi bahawa bangunan M M A ini mempunyai bentuk dan characternya sendiri. Sungguhpun pandangan dari luarnya nampak biasa saja, tetapi terdapat "in the simplicity of its functional structure a reflection of the simple and dedicated character of the medical profession" dan oleh itu sepatutnya menjadi kebanggaan kepada semua anggota M M A .

Saya percaya dengan adanya bangunan ini sebagai simbol perpaduan dan kekuatan M M A , rakyat dan negara boleh mengharapkan mutu perkhidmatan yang terbaik dari para doktor kita supaya menjamin taraf kesihatan yang baik dan sempurna.

Sepertimana yang kita maklum, M M A menggabungkan semua Medical Practitioners samada yang menjalankan perniagaan sendiri ataupun yang bertugas dengan Kerajaan. Kita boleh berbangga bahawa tingkat kemajuan bidang perkhidmatan negara hari ini boleh dikatakan yang terbaik di dunia sebelah sini meskipun masih agak jauh dari negara-negara maju di Barat. Kerajaan

I Y.B. Menteri Kesihatan.

amat gembira dan berterima kasih kepada doktor-doktor swasta yang sedia bekerjasama menjayakan rancangan SOCSO yang kita semua tahu amat mustahak dalam usaha menjamin kesejahteraan buruh dan secara tidak langsung ketenteraman perusahaan.

Di samping itu juga, kita tahu ramai kumpulan-kumpulan pakar atau Specialists Group yang sedang menjalankan dan merancang perkhidmatan pakar sebagai tambahan kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan. Semua usaha ini amat disanjung tinggi dan dihargai oleh Kerajaan terutama dalam melaksanakan hasrat kita hendak membina masyarakat yang sihat dalam context masyarakat adil, makmur dan maju.

Saya suka juga mengambil kesempatan ini menyatakan penghargaan kepada satu kumpulan ahli-ahli M M A iaitu doktor muda yang bertugas dalam National Service dengan Angkatan Tentera. Barangkali tidak ramai yang mengetahui bahawa dalam Gerakan Civic Action yang dijalankan oleh pihak tentera doktor-doktor muda itu menjalankan tugas di barisan hadapan memberikan rawatan kepada rakyat di kampung-kampung yang jauh terpencil di kawasan sempadan Malaysia-Thai samada di Kelantan, Perak dan Kedah, dan juga di Sarawak. Sesungguhnya, pada hemat saya jasa dan perkhidmatan yang diberikan oleh National Service Doctors ini tidak ternilai harganya kepada kita semua.

Oleh itu sementara kempen Tabung Perwira sedang rancak berjalan, sukaiah saya menambah kepada seruan Y.A.B. Tun Dr Ismail² beberapa hari dulu meminta sokongan para dermawan khasnya doktor swasta supaya menghulurkan derma seberapa banyaknya.

Saudara-saudara sekalian,

Saya tidaklah hendak bercakap panjang kali ini kerana kita akan berjumpa lagi malam besok dalam suasana yang lebih nyaman dan meriah (in a more congenial and relaxed atmosphere). Setakat yang bersangkutan dengan M M A House ini, saya sukacita bahawa satu tingkat telah diberi sewa kepada Universiti Kebangsaan yang saya sendiri menjadi Canselornya. Di samping itu, dapat pula memenuhi keperluan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain.

² Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, pada hemat saya, perkara yang penting dan significant ialah kemajuan besar yang dicapai oleh M M A mempunyai bangunanya sendiri yang boleh dimegahkan sebagai edifice befitting the Medical Profession.

Saudara-saudara sekalian,

Saya dengan sukacita merasmikan bangunan M M A ini dengan mengulangi ikrar serta meletakkan harapan kepada Persatuan ini memberikan perkhidmatan penuh didikasi kepada rakyat dan negara setiap masa.